



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN KELANTAN**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
MOHAMAD @ MOHD DAUD BIN YUSOFF
ADIGURU PETUKANGAN PERAK**

OLEH:

TUAN MUHAMMAD HAFIS BIN TUAN HUSAIN	2012971319
SAIFUL SAFUAN BIN ABD MANAN	2012364757

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEHENDAK KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC – JULAI 2014)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK MOHAMAD @ MOHD DAUD BIN YUSOFF
ADIGURU PERTUKANGAN PERAK**

OLEH:

TUAN MUHAMMAD HAFIS BIN TUAN HUSAIN	2012971319
SAIFUL SAFUAN BIN ABD MANAN	2012364757

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEHENDAK KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC – JULAI 2014)**

PENGENALAN

PENGENALAN: BIDANG TOKOH

Seni pertukangan perak, emas dan tembaga telah lama berkembang di negeri Kelantan. Pada mulanya, kegunaan perak, emas dan tembaga hanya terhad kepada golongan istana sahaja. Tetapi, kini hasil-hasil kraftangan yang diperbuat daripada emas, perak dan tembaga dapat dimiliki dan digunakan oleh sesiapa sahaja yang berkemampuan. Apa yang menarik, hasil kerja tangan tukang-tukang emas, perak dan tembaga Kelantan mempunyai keistimewaan kerana hasil kerja yang halus dan unik serta mempunyai nilai seni yang bermutu tinggi. Setiap bahan (ketulan emas, perak dan tembaga) dibentuk dengan tangan dan gerakan dilakukan dengan berhati-hati dan teliti oleh tukang-tukang perak, emas dan tembaga yang berpengalaman.

Ketulan perak, emas dan tembaga dilebur, kemudian dijadikan kepingan nipis seperti kertas. Ada di antara kepingan yang dibentuk mengikut bentuk yang dikehendaki sementara yang lain pula dijadikan dawai halus yang boleh dibentuk dengan memetrikkan semula kepingan-kepingan yang telah dipotong itu. Hasil-hasil produk yang dihasilkan tukang-tukang perak, emas dan tembaga yang mahir seperti barang-barang kemas, tapak sirih, peralatan dapur (contohnya dulang, mangkuk, pisau, sudu garpu dan set minuman) dan replika-replika permainan tradisional seperti wau bulan, rebena kertok dan gasing.

Pusat pertukangan emas, perak dan tembaga yang terkenal di Kelantan kerana mutu hasil kraftangan yang baik dan unik adalah di sepanjang Jalan Sultanah Zainab, Kota Bharu dan Kampung Morak, Tumpat. Sememangnya, tukang-tukang perak, emas dan tembaga di kawasan ini mempunyai kemahiran dan pengalaman dalam menghasilkan hasil-hasil produk dari emas, perak dan tembaga. Hasil-hasil kraftangan ini juga mudah didapati di kedai-kedai emas di sekitar Bandar Kota Bharu dan bandar-bandar kecil di Kelantan.

Penggunaan bahan logam dalam memenuhi keperluan manusia telah bermula sejak zaman purba lagi, khususnya di kawasan Semenanjung Malaysia. Kebijaksanaan manusia pada zaman purba dalam penggunaan bahan logam ketika itu merupakan sesuatu yang sangat menarik untuk diperkatakan. Hal ini kerana bahan logam bukanlah seperti peralatan lain yang diperbuat daripada batu yang mana ianya boleh dipecah-pecahkan kepada bentuk yang kecil. Sifat logam yang keras memerlukan kepintaran dan kemahiran yang tinggi dalam melentur dan melebur logam tersebut sebelum menghasilkan peralatan yang kemudiannya dihiasi pula dengan ukiran –ukiran yang indah. Pelbagai jenis alat yang diperbuat daripada logam telah

dihasilkan oleh masyarakat di Semenanjung Malaysia, khususnya masyarakat Melayu. Hal ini dapat dilihat melalui hasil ukiran yang dihasilkan oleh tukang-tukang ukir Melayu keatas alat-alat seperti senjata-senjata tradisonal,peralatan rumah,perhiasan diri dan barangan-barangan lain .Seni ukiran logam terbahagi kepada dua iaitu, seni ukiran logam perak dan seni ukiran logam tembaga ,tetapi pengkaji hanya mengkaji tentang seni ukiran perak.

Keindahan seni ukiran perak ini diakui oleh masyarakat yang mengenali seni pertukangan ini.Keindahan yang dimaksudkan bukan sahaja pada seni rupa atau rekabentuk sesuatu ciptaan,bahkan juga pada pengolahan satu-satu motif dalam rekacorak awan larat dan falsafah yang tersirat di sebaliknya mengikut daya imaginasi pencipta awan larat .Dalam pertukangan perak,rekacorak merupakan ciri terpenting yang diandaikan dapat membezakan antara rekacorak orang Melayu dengan masyarakat lain.Disamping itu, dapat menghuraikan segala aspek tertentu terhadap sejarah dan perkembangannya . Dalam seni ukiran perak terdapat tiga jenis motif iaitu motif bunga-bunga,motif tumbuh-tumbuhan dan motif binatang. Motif bunga-bunga dalam seni ukiran perak yang kerap digunakan meliputi beberapa jenis motif iaitu :

- ❖ Bunga Mentari
- ❖ Bunga Padi
- ❖ Bunga Kiambang
- ❖ Bunga Senduduk

Tukang-tukang perak Melayu menggunakan alam semula (flora) jadi yang dilihat di sekelilingnya seperti tumbuh-tumbuhan sebagai asas untuk menghasilkan satu rekacorak .Tumbuhan yang biasa digunakan sebagai motif adalah dari kumpulan yang menjalar dan boleh dijadikan sebagai sayur dan ulam seperti,daun sembung bidadari, pucuk kangkung, daun dalur, pucuk paku, daun sekati lima, sulur kacang botol, daun labu, sulur kacang panjang, daun kundur, buah cili dan pucuk petola.

Mempelajari kemahiran pertukangan perak daripada keluarga iaitu daripada ibu dan bapanya sendiri. Produk ciptaan En.Mohamed @ Mohd Daud Bin Yusof sentiasa menjadi ikutan atau contoh kepada pengusaha kraf perak yang lain. Hasil produk beliau sentiasa dikagumi kerana kualiti dan kekemasan yang dihasilkan. Beliau mula berkecimpung di dalam bidang ini ke usia belasan tahun, beliau banyak menyumbangkan bakti mengembangkan kemahiran seni pertukangan perak melalui beberapa agensi dan pertubuhan antaranya:-

- i. Kraftangan Malaysia
- ii. Karyaneka
- iii. Individu

En.Mohamed @ Mohd Daud Bin Yusof turut meneroka penggunaan alatan moden dalam seni pertukangan perak. Ia bertujuan untuk meluaskan lagi pasaran. Penggunaan alatan ini dapat mempercepatkan proses pertukangan namun kualiti dan keindahan kraf perak masih terus dikekalkan. Perkara yang paling penting kos pengeluaran dapat dikurangkan dan ia memberi peluang kepada semua lapisan masyarakat untuk memiliki barangan perak. Sungguhpun demikian beliau masih terus mengusahakan tekatan tradisional menggunakan tangan kerana permintaan terhadap produk ini masih tinggi.

En.Mohamed @ Mohd Daud Bin Yusof seorang yang bersungguh-sungguh didalam mempertahankan serta mengekalkan produk kraf warisan daripada pupus atau dilupakan. Disamping itu juga, beliau menunjukkan kesungguhan untuk terus meningkatkan kemahiran dan sentiasa mengikuti perkembangan terkini dan mendapatkan maklumat terbaru didalam seni pembuatan produk kraf perak.

En.Mohamed @ Mohd Daud Bin Yusof telah memberikan sumbangan kepada masyarakat dan negara. Komitmen yang diberikan kepada setiap program-program anjuran kerajaan digunakan sepenuhnya seperti menjadi jurutunjuk bagi latihan-latihan pertukangan kraf perak. Beliau turut membantu mempromosikan barangan kraf perak dengan menyertai beberapa siri pameran dan demonstrasi di dalam negara.

Kemahiran pertukangan seni kraf perak Mohd Daud Yusoff membuatkan beliau sering dilantik sebagai juru tunjuk/juru demo bagi aktiviti dalam dan luar negara oleh Kraftangan Malaysia serta agensi berkaitan. Antara berikut merupakan senarai promosi di luar negara yang disertai oleh Mohd Daud Yusoff:

- i. Juru tunjuk di Misi Perdagangan di Myanmar.
- ii. Juru tunjuk di Misi Perdagangan di Brunei.
- iii. Juru tunjuk di Misi Perdaganga di China.
- iv. Jemputan bagi forum di Thailand.

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t. Terlebih dahulu kami ingin panjatkan rasa penuh kesyukuran kepada Yang Maha Esa, Allah S.W.T kerana akhirnya kami dapat melengkapkan Projek Pendokumentasian Sejarah Lisan ini dengan jayanya. Tidak dinafikan, pelbagai cabaran yang kami hadapi sebelum dan selepas selesai sesi temubual bersama tokoh, namun dengan berkat kesabaran kami dan pertolongan-Nya, kami dapat atasi masalah yang melanda.

Jutaan terima kasih kami tujukan kepada pembimbing akademik kami untuk subjek IMR 605 – Oral Documentation (Pendokumentasian Sejarah Lisan), Puan Kamarian bt. Chik yang telah memberikan segala ilmu dan pengetahuan yang beliau miliki kepada kami dan memberi kami segala tunjuk ajar untuk menyiapkan projek ini. Terima kasih yang tidak terhingga sekali lagi di atas dorongan beliau dan kami amat menghargainya.

Seterusnya, penghargaan kami sudah tentulah kepada Encik Mohd Daud Bin Yussof, seorang yang berpengalaman luas dalam bidang pertukangan perak di negeri Kelantan dan telah dinobatkan sebagai Adiguru Pertukangan Perak kerana kesudian beliau untuk diwawancara sebagai tokoh dalam bidang ukiran traditional. Kesudian dan kerjasama beliau amatlah dihargai dan diucapkan jutaan terima kasih.

Akhir sekali, kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang terlibat secara langsung atau pun tidak langsung, ibubapa serta rakan-rakan seperjuangan yang memberikan sedikit sebanyak tunjuk ajar kepada kami semasa menghasilkan projek transkrip temubual ini.

Sekian terima kasih.

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	i
Isi Kandungan.....	ii
Abstrak.....	iii
Biodata Tokoh.....	iv
Pengenalan.....	v
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	01
Bahagian 2: Pendidikan.....	18
Bahagian 3: Kerjaya Tokoh.....	24
Bahagian 4: Pencapaian Tokoh.....	49
Bahagian 5: Sumbangan Tokoh.....	52
Bahagian 6: Pandangan dan pendapat tokoh.....	54
Rujukan.....	07
Lampiran	
Log Wawancara.....	64
Senarai soalan.....	69
Surat Perjanjian.....	75
Gambar.....	76
Indeks.....	82

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak – *Projek ini mengenai pengalaman Encik Mohd Daud bin Yussof sebagai seorang yang bergiat didalam bidang pertukangan perak di kelantan amnya. Kekemasan, pengetahuan dan juga lain-lain kriteria yang ada pada Encik Daud ini telah dikhtiraf oleh pihak kraf Malaysia dan beliau telah dinobatkan sebagai Adiguru. Transkrip ini juga menerangkan tentang butiran peribadi dan sedikit latar belakang mengenai beliau. Selain itu, terdapat maklumat mengenai ahli keluarga dan anak-anak tokoh yang di temubual. Ia juga menerangkan tentang sejarah pendidikan dan kehidupan tokoh sejak kecil sehingga sekarang. Seterusnya, beliau menceritakan pengalaman beliau semasa mula-mula berkecimpung dalam bidang pertukangan perak ini dan bagaimana cabaran yang beliau tempuhi sehingga ke hari ini. Beliau juga berkongsi pendapat dan nasihat kepada sesiapa yang ingin menceburi dalam bidang pertukangan perak ini kerana berdasarkan beliau, bidang ini perlu ada pelapis untuk generasi akan datang. Encik Mohd Daud berkongsi maklumat mengenai anugerah yang diperolehi dan khidmat masyarakat yang beliau lakukan sepanjang berada dalam bidang pertukangan perak ini.*

Kata Kunci: *Mohd Daud bin Yussof, adiguru logam, pertukangan perak, Mahathir,*

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Nama Penuh	: Mohamed @ Mohd Daud bin Yusoff
No Kad Pengenalan	: 460101-03-5159
Umur	: April 2014 (68 Tahun)
No Telefon	: 012-9837332
Bangsa	: Melayu (Islam)
Bidang Yang Diceburi	: Pertukangan Perak
Tahun Mula Bergiat aktif	: 1964 (50 Tahun)
Taraf Perkahwinan	: Berkahwin
Bilangan Anak	: 7 Orang
Bilangan Anak Mewarisi Kemahiran	: 3 Orang
Nama Ibu	: Minah Binti Hassan
Nama Bapa	: Yusoff bin Awang Kechik
Bilangan Adik Beradik	: 12 Orang
Tahap Pendidikan	: Sekolah Menengah (LCE)
Tahun Lantikan Adiguru	: 2011

PENGENALAN

PENGENALAN: BIDANG TOKOH

Seni Pertukangan Perak, Emas dan Tembaga telah lama berkembang di Negeri Kelantan. Pada mulanya, kegunaan perak, emas dan tembaga hanya terhad kepada golongan istana sahaja. Tetapi, kini hasil-hasil kraftangan yang diperbuat daripada emas, perak dan tembaga dapat dimiliki dan digunakan oleh sesiapa sahaja yang berkemampuan. Apa yang menarik, hasil kerja tangan tukang-tukang emas, perak dan tembaga Kelantan mempunyai keistimewaan kerana hasil kerja yang halus dan unik serta mempunyai nilai seni yang bermutu tinggi. Setiap bahan (ketulan emas, perak dan tembaga) dibentuk dengan tangan dan gerakan dilakukan dengan berhati-hati dan teliti oleh tukang-tukang Perak, emas dan tembaga yang berpengalaman.

Ketulan perak, emas dan tembaga dilebur, kemudian dijadikan kepingan nipis seperti kertas. Ada di antara kepingan yang dibentuk mengikut bentuk yang dikehendaki sementara yang lain pula dijadikan dawai halus yang boleh dibentuk dengan memetrikkan semula kepingan-kepingan yang telah dipotong itu. Hasil-hasil produk yang dihasilkan tukang-tukang perak, emas dan tembaga yang mahir seperti barang-barang kemas, tapak sirih, peralatan dapur (contohnya dulang, mangkuk, pisau, sudu garpu dan set minuman) dan replika-replika permainan tradisional seperti wau bulan, rebena kertok dan gasing.

Pusat pertukangan emas, perak dan tembaga yang terkenal di Kelantan kerana mutu hasil kraftangan yang baik dan unik adalah di sepanjang Jalan Sultanah Zainab, Kota Bharu dan Kampung Morak, Tumpat. Sememangnya, tukang-tukang perak, emas dan tembaga di kawasan ini mempunyai kemahiran dan pengalaman dalam menghasilkan hasil-hasil produk dari emas, perak dan tembaga. Hasil-hasil kraftangan ini juga mudah didapati di kedai-kedai emas di sekitar Bandar Kota Bharu dan Bandar-bandar kecil di Kelantan.

Penggunaan bahan logam dalam memenuhi keperluan manusia telah bermula sejak zaman purba lagi, khususnya di kawasan Semenanjung Malaysia. Kebijaksanaan manusia pada zaman purba dalam penggunaan bahan logam ketika itu merupakan sesuatu yang sangat menarik untuk diperkatakan. Hal ini kerana bahan logam bukanlah seperti peralatan lain yang diperbuat daripada batu yang mana ianya boleh dipecah-pecahkan kepada bentuk yang kecil. Sifat logam yang keras memerlukan kepintaran dan kemahiran yang tinggi dalam melentur dan melebur logam tersebut sebelum menghasilkan peralatan yang kemudiannya dihiasi pula dengan ukiran-ukiran yang indah. Pelbagai jenis alat yang diperbuat daripada

logam telah dihasilkan oleh masyarakat di Semenanjung Malaysia, khususnya masyarakat Melayu. Hal ini dapat dilihat melalui hasil ukiran yang dihasilkan oleh tukang-tukang ukir Melayu keatas alat-alat seperti senjata-senjata tradisional, peralatan rumah, perhiasan diri dan barangan-barangan lain . Seni ukiran logam terbahagi kepada dua iaitu, seni ukiran logam perak dan seni ukiran logam tembaga , tetapi pengkaji hanya mengkaji tentang seni ukiran perak.

Keindahan seni ukiran perak ini diakui oleh masyarakat yang mengenali seni pertukangan ini. Keindahan yang dimaksudkan bukan sahaja pada seni rupa atau rekabentuk sesuatu ciptaan, bahkan juga pada pengolahan satu-satu motif dalam rekacorak awan larat dan falsafah yang tersirat di sebaliknya mengikut daya imaginasi pencipta awan larat . Dalam pertukangan perak, rekacorak merupakan ciri terpenting yang diandaikan dapat membezakan antara rekacorak orang Melayu dengan masyarakat lain. Disamping itu, dapat menghuraikan segala aspek tertentu terhadap sejarah dan perkembangannya . Dalam seni ukiran perak terdapat tiga jenis motif iaitu motif bunga-bunga, motif tumbuh-tumbuhan dan motif binatang . Motif bunga-bunga dalam seni ukiran perak yang kerap digunakan meliputi beberapa jenis motif iaitu :

- ❖ Bunga Mentari
- ❖ Bunga Padi
- ❖ Bunga Kiambang
- ❖ Bunga Senduduk

Tukang-tukang perak Melayu menggunakan alam semula (flora) jadi yang dilihat di sekelilingnya seperti tumbuh-tumbuhan sebagai asas untuk menghasilkan satu rekacorak . Tumbuhan yang biasa digunakan sebagai motif adalah dari kumpulan yang menjalar dan boleh dijadikan sebagai sayur dan ulam seperti, daun Sembung Bidadari, Pucuk Kangkung, daun Dalur, Pucuk Paku, daun Sekati Lima, sulur Kacang Botol, daun Labu, sulur Kacang panjang, daun Kundur, buah Cili dan pucuk Petola.

Mempelajari kemahiran pertukangan perak daripada keluarga iaitu daripada ibu dan bapanya sendiri. Produk ciptaan En. Mohamed @ Mohd Daud Bin Yusof sentiasa menjadi ikutan atau contoh kepada pengusaha kraf perak yang lain. Hasil produk beliau sentiasa dikagumi kerana kualiti dan kekemasan yang dihasilkan. Beliau mula berkecimpung di dalam bidang ini ke usia belasan tahun, beliau banyak menyumbangkan bakti mengembangkan kemahiran seni pertukangan perak melalui beberapa agensi dan pertubuhan antaranya:-

- i. Kraftangan Malaysia
- ii. Karyaneka
- iii. Individu

En.Mohamed @ Mohd Daud Bin Yusof turut meneroka penggunaan alatan moden dalam seni pertukangan perak. Ia bertujuan untuk meluaskan lagi pasaran. Penggunaan alatan ini dapat mempercepatkan proses pertukangan namun kualiti dan keindahan kraf perak masih terus dikekalkan. Perkara yang paling penting kos pengeluaran dapat dikurangkan dan ia memberi peluang kepada semua lapisan masyarakat untuk memiliki barangan perak. Sungguhpun demikian beliau masih terus mengusahakan tekatan tradisional menggunakan tangan kerana permintaan terhadap produk ini masih tinggi.

En.Mohamed @ Mohd Daud Bin Yusof seorang yang bersungguh-sungguh didalam mempertahankan serta mengekalkan produk kraf warisan daripada pupus atau dilupakan. Disamping itu juga, beliau menunjukkan kesungguhan untuk terus meningkatkan kemahiran dan sentiasa mengikuti perkembangan terkini dan mendapatkan maklumat terbaru didalam seni pembuatan produk kraf perak.

En.Mohamed @ Mohd Daud Bin Yusof telah memberikan sumbangan kepada masyarakat dan negara. Komitmen yang diberikan kepada setiap program-program anjuran kerajaan digunakan sepenuhnya seperti menjadi jurutunjuk bagi latihan-latihan pertukangan kraf perak. Beliau turut membantu mempromosikan barangan kraf perak dengan menyertai beberapa siri pameran dan demonstrasi di dalam negara.

Kemahiran pertukangan seni kraf perak Mohd Daud Yusoff membuatkan beliau sering dilantik sebagai juru tunjuk/juru demo bagi aktiviti dalam dan luar negara oleh Kraftangan Malaysia serta agensi berkaitan. Antara berikut merupakan senarai promosi di luar negara yang disertai oleh Mohd Daud Yusoff:

- i. Juru tunjuk di Misi Perdagangan di Myanmar.
- ii. Juru tunjuk di Misi Perdagangan di Brunei.
- iii. Juru tunjuk di Misi Perdaganga di China.
- iv. Jemputan bagi forum di Thailand.

TRANSKRIP

BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG TOKOH

Petunjuk:

TMH: Tuan Muhammad Hafis

MDY: Mohd Daud Yusoff

(Mohamad @ Mohd Daud bin Yusoff)

TMH: Bismillahirrahmanirahim..

Berikut adalah wawancara sejarah lisan mengenai tokoh adiguru logam perak tentang pengalaman beliau dalam bidang seni pertukangan perak iaitu Encik Mohd Daud bin Yusoff. Rakaman ini dijalankan di Kota Bharu pada *satu mei dua ribu empat belas* [1-Mei-2014] pada pukul *sepuluh* [10] pagi. Wawancara ini dikendalikan oleh Tuan Muhammad Hafis Bin Tuan Husain dan dibantu oleh Saiful Safuan Bin Abd Manan. Dengan segala hormatnya kita memulakan wawancara ini.

TMH: Ok Pak Daud. Macam mana Pak Daud hari ini,sihat?

MDY: Buat masa *loni* [sekarang] kadang – kadang sihat, kadang – kadang kita lemah, *pasal* [sebab] umur pun lebih kurang *enam puluh tujuh* [67].

TMH: Boleh Pak Daud bagitahu nama penuh Pak Daud ikut kad pengenalan?

MDY: Nama Pak Daud *ni* [ini] adalah Mohamad @ Mohd Daud bin Yusoff. Nama *glamour* [terkenal] Pak Daud, biasa orang panggil Pak Daud.

TMH: Dimana tempat lahir Pak Daud?

MDY: Pak daud lahir di belakang Masjid Muhammad Muhammadi Kota Bharu, pada tahun *seribu sembilan ratus empat puluh enam* [1946].

TMH: Jadi umur Pak Daud sekarang lebih kurang enam puluh lapan [68]?

MDY: Lebih kurang *enam puluh lapan* [68] macam *tu* [itu].

TMH: Untuk sekarang ni [ini], Pak Daud tinggal mana [di mana]?

MDY: Sekarang Pak Daud tinggal di Kg. Baung Jalan Pengkalan Chepa, rumah kediaman *tu* [itu].

TMH: Berapa lama dah Pak Daud duk [menetap] situ [di situ] ?

MDY: *Duk* [menetap] *situ* [di situ] lebih kurang *empat puluh* [40] tahun.

TMH: Lama dah. Memang itu rumah pertama?

MDY: *Ha* [Ya], rumah pertama.

TMH: Pak Daud mari [datang] kerja dengan gapo [apa]?

MDY: Sekarang ni *mari* [datang] dengan kereta, *pasal* [sebab] fizikal kita pun kurang, *nak* [hendak] *naik* [bawa] motosikal pun bimbang.

TMH: Ok, boleh Pak Daud cerita latar belakang ibubapa Pak Daud?

MDY: Ayah Pak Daud nama Yussof bin Awang Kecik, dia bekerja sebagai pelayan istana balai besar di Kota Bharu, ibu Pak Daud nama Aminah binti Hassan, dia suri rumah, *tak dok* [tidak] kerja.

TMH: Memang dia suri rumah sepenuh masa?

MDY: Ya, sepenuh masa.

TMH: Boleh Pak Daud ceritakan latar belakang isteri Pak Daud?

MDY: Isteri Pak Daud *ni* [ini] dia orang Kubang Kerian, nama dia Zaiton binti Abas, sekarang dia meniaga kain, meniaga kain di kedai.

TMH: *Kat mana* [di mana] kedai *tu* [itu]?

MDY: Kedai di Cabang Tiga Pengkalan Chepa.

TMH: Bila tarikh perkahwinan Pak Daud dengan isteri?

MDY: Pak Daud kahwin lebih kurang dalam tahun *seribu sembilan tujuh puluh tiga* [1973] lebih kurang macam *tu* [itu].

TMH: Jadi sudah berapa tahun?

MDY: *Empat puluh* [40], lebih kurang *empat puluh* [40] tahun, *pasal* [sebab] anak sulung tu umur *empat puluh* [40].

TMH: *Empat puluh satu* [41] tahun.

MDY: Betul, *empat puluh satu* [41] tahun, anak umur *empat puluh* [40], kita kahwin lewat *setahun* [1 tahun] kan.

TMH: *Ni* [ini] ada soalan yang agak peribadi *sikit* [sedikit].

MDY: *Tak po* [tidak mengapa].

TMH: *Gano* [macam mana] Pak Daud berkenalan dengan isteri? Kalau Pak Daud ingat lagi.

MDY: (Mengingat) Pandang pertama *lagu tu* [macam itu] (ketawa). Pandang pertama kita *keney* [berkenan] kita *susur* [merisik] macam *tu* [itu].

TMH: *Mana* [di mana] tempat kali pertama Pak Daud berjumpa isteri?

MDY: Di sini, (Sambil menunjukkan ke seberang jalan) lebih kurang belakang *tu* [itu].

TMH: Dekat kawasan sini?

MDY: Ya, kawasan *ni* [ini]. Kawasan *ni* [ini] Pak Daud membesar di sini. Sebelum Pak Daud membina rumah di Kg Baung *tu* [itu], Pak Daud tinggal di Langgar *ni* [ini]. Jalan Langgar, Jalan Pasir Puteh. Sekarang nama Jalan Jaya Putera.

TMH: Memang isteri Pak Daud *tu* [itu] dia asal Kubang Kerian?

MDY: Dia asal Kubang Kerian, dia *beranak* [dilahirkan] di Rantau Panjang. Ibu bapa asal Kubang Kerian, besar di Rantau Panjang.

TMH: Berapa anak Pak Daud?

MDY: Anak sekarang?

TMH: Ya.

MDY: Anak Pak Daud sekarang, *tujuh* [7] orang.

TMH: Boleh Pak Daud susun mengikut peringkat umur?

MDY: Boleh. Nombor *satu* [1] Ahmad Razi. Umur dia lebih kurang *empat puluh* [40].

TMH: Yang ke *dua* [2]?

MDY: Nombor ke *dua* [2] Noraza. Perempuan.

TMH: Macam mana nak eja Noraza?

MDY: Noraza (sambil mengeja).

TMH: Umur dia?

MDY: Umur dia *tikah* [beza] *dua* [2] tahun lebih kurang.

TMH: *Tiga puluh lapan* [38]?

MDY: *Ha* [Ya].

TMH: Anak yang ke *tiga* [3]?

MDY: Yang ke ke *tiga* [3] Noraini.

TMH: Noraini.

MDY: Ya.

TMH: Umur dia?

MDY: *Tikah* [beza] *tiga* [3] tahun.

TMH: *Tiga puluh lima* [35] tahun?

MDY: *Ha* [Ya].

TMH: Anak yang ke empat [4]?

MDY: Yang ke *empat* [4], Ahmad Faris.

TMH: Umur berapa *tu* [itu]?

MDY: Umur, *tikah* [beza] *setahun* [1 tahun].

TMH: Tiga puluh empat [34]?

MDY: *Ha* [ya].

TMH: Anak yang ke lima [5]?

MDY: Ahmad Al-Amin.

TMH: Umur dia?

MDY: *Tikah* [beza] *empat* [4] tahun.

TMH: Tiga puluh [30] tahun. Anak yang ke enam [6]?

MDY: Al-Amin.(Sambil mengingat) Yang ke *enam* [6] perempuan nama Hamizah.

TMH: Umur dia?

MDY: *Dua puluh tiga* [23].

TMH: Anak terakhir?

MDY: Anak terakhir Mohamed Khalid.

TMH: Mohd ataupun Mohamed?

MDY: Mohamed (sambil mengeja), *loni dia tak wi* [sekarang dia tidak bagi] dah Mohd kena pakai Muhamad.

TMH: Umur berapa *tu* [itu]?

MDY: Umur *dua puluh satu* [21].

TMH: Anak-Anak Pak Daud *ni* [ini], *wak* [yang] mana *wak* [yang] dah kerja?

MDY: Yang dah kerja, (sambil mengira) *empat* [4].

TMH: Ada lagi ke anak Pak Daud *wak* [yang] belajar lagi?

MDY: Belajar ada *dua* [2] lagi, yang bongsu dan yang ke *dua* [2] bongsu.

TMH: Hamizah dengan Mohammed Khalid *ni* [ini]?

MDY: Ya.

TMH: Anak Pak Daud *tu* [itu] belajar *mana* [di mana]?

MDY: *Hok* [yang] *mana tu* [itu]?

TMH: Hamizah belajar *mana* [di mana], Khalid belajar *mana* [di mana]?

MDY: Hamizah belajar di *IKN* [Insitut Kraf Negara] di Rawang. *Ambik* [ambil] diploma dia *tu* [itu].

TMH: Bila lagi dia *start* [mula] belajar?

MDY: (Tidak Pasti) *Empat* [4] tahun dah rasanya.

TMH: *Nak* [hendak] habis dah?

MDY: *Ha* [Ya], *nak* [hendak] habis dah, dia habis bulan *tujuh* [7] *ni* [ini].

TMH: Khalid *tu* [itu] dia belajar *mana* [di mana]?

MDY: Khalid *tu* [itu] belajar di *Politek* [Politeknik] Merlimau, Melaka.

TMH: Dia *ambik* [ambil] bahagian kraf *jugak* [juga] ke?

MDY: *Dok* [bukan] bukan kraf, (sambil berfikir dan tidak pasti) dia ambil bahagian wayar.

TMH: *Electrical* [Elektrik] ke? Bahagian elektrik ke?

MDY: Bahagian *ni* [ini] komunikasi, elektrik komunikasi. Ada *dok* [bukan]?

TMH: Ya, lama dah ke dia belajar?

MDY: Dia habis dah, dalam *empat* [4] hari *ni* [ini] dia habis.

TMH: Baru habis.

MDY: Habis bahagian diploma. Ada rezeki dia sambung lagi, kalau *tak* [tidak] dia cari kerja.

TMH: Untuk anak Pak Daud *wak* [yang] kerja *ni* [ini], dia kerja *gape* [apa]?

MDY: *Wak* [yang] mana *tu* [itu]?

TMH: Nombor *satu* [1] hingga *empat* [4].

MDY: Nombor *satu* [1] dia kerja dengan Pak Daud dalam bidang pemasaran.

TMH: *Ni* [ini] Noraza?

MDY: Noraza dia bidang cikgu.

TMH: Cikgu *mana tu* [di mana itu]?

MDY: Cikgu di Sekolah Ismail *Dua* [2]. Sekolah rendah. *SK* [sekolah kebangsaan].

TMH: Untuk anak Pak Daud yang ketiga *ni* [ini], Noraini *ni* [ini]?

MDY: Yang ketiga *tu* [itu] dia *duduk* [tinggal] di Kuala Lumpur, di Klang, bekerja di *TNB* [Tenaga Nasional Berhad].

TMH: Anak yang ke *empat* [4] *ni*, Faris?

MDY: Yang ke *empat* [4] Faris *ni* [ini] dia bahagian *wayering* [pendawaian].

TMH: *Wayering* [pendawaian]?

MDY: Ya, *wayering* [pendawaian], *chargemen* [pekerjaan yang melibatkan pendawaian].

TMH: Anak Pak Daud *wak* [yang] kerja dengan Pak Daud seorang *je* [sahaja] setakat *ni* [ini]?

MDY: Setakat *ni* [ini] *dua* [2].

TMH: *Dua* [2]?

MDY: Ya, Al-Amin. Sebagai tukang sepenuh masa. Tukang, kalau kita *tak* [tidak] ada tukang *tak* [tidak] ada pemasaran. Kalau ada pemasaran *tak* [tidak] ada

tukang kita *tak* [tidak] boleh buat kerja. Kalau tukang sahaja kita *tak* [tidak] tahu juga.

TMH: Kena cari pasaran-pasaran luar.

MDY: Jadi sekarang Pak Daud pun *tak* [tidak] boleh nak keluar jauh-jauh *loni* [sekarang]. Jadi bagi dia bahagian pemasaran, hantar barang semua dia. Bahagian *hok* [yang] sini *ni* [ini] dia *tak mari* lagi [tidak datang lagi]. Bahagian tukang-tukang, jaga tukang, lepas *tu* [itu] tengok barang, kualiti semua dia, kita ajar dia.

TMH: Berapa bilangan adik beradik Pak Daud? Anak ke berapa?

MDY: Bilangan dalam *dua belas* [12], anak yang ke *lima* [5].

TMH: Biasa kalau panggilan untuk ahli keluarga, panggil Pak Daud juga ke ada panggilan lain?

MDY: Ahli keluarga panggil nama, Pak Daud *ni* [ini] untuk kita meniaga *je* [sahaja].

TMH: Kalau Pak Daud *duk saje* [tidak buat apa-apa], apa hobi Pak Daud? Pak Daud buat apa?

MDY: Pak Daud *tak* [tidak] ada hobi, memancing pun *tak* [tidak] ada, apa pun *tak* [tidak] ada, bola sepak pun Pak Daud *tak* [tidak] minat, cuma hobi Pak Daud *duk* [tinggal] di rumah, tengok televisyen macam *tu je* [itu sahaja].

TMH: Kalau ada masa buat kerja *je* [sahaja]?

MDY: *Ha* [Ya], jadi kita kebanyakan masa idea *mari* [datang] ataupun barang *lorat* [nak cepat], kita *mari* [datang] sini. Jadi *tu je* [itu sahaja] kerja kita. Jadi *tak* [tidak] ada *hok* [yang] lain. Macam orang ajak tengok bola sepak di Kuala Lumpur, tidak berminat.

TMH: Masa [Ketika] Pak Daud kecil-kecil *dulu* [dahulu], *gapo* [apa] cita-cita Pak Daud? Adakah sama dengan *wak* [yang] Pak Daud buat *loni* [sekarang] ataupun lain?

MDY: *Tak* [tidak] sama. Cita-cita *dulu* [dahulu] kita sekolah *dulu* [dahulu] dia *tak* [tidak] ada cita-cita *lah mano* [sangat]. Cuma cikgu-cikgu kata jadi doktor, macam *tu* [itu]. Kalau jadi doktor *memey* [memang] *biso* [hebat] zaman *dulu* [dahulu] pada zaman Pak Daud, *tak dok* [tidak] *nak* [hendak] jadi *PM* [Perdana Menteri] ke *nak* [hendak] jadi pengusaha besar ke, *tak* [tidak] ada. Masa tu mentaliti kita orang melayu *ni* [ini], siapa yang *makan gaji* [bekerja di bawah orang lain sama ada dalam sektor awam atau swasta] orang *tu* [itu] *best* [bagus] ,terbagus, kalau kita *nak gi mitok anak* [hendak pergi merisik], “tanya anak kerja *gapo* [apa]”, *kerja buruh* [kerja kerajaan]. Buruh pun tidak apa. *Pasal* [sebab] dia ada jaminan hidup. *Hari tu masa tu* [sewaktu ketika dahulu], *masa* [ketika] zaman Pak Daud. Jadi Pak Daud *tak* [tidak] ada cita-cita *lah mano* [sangat] *masa tu* [ketika itu]. Kita pun *tak* [tidak] ada cita-cita sebab persekitaran kampung *ni* [ini], dia *tak* [tidak] ada sangat, orang kampung *belaka* [semua], siapa boleh *ngaji* [belajar] tinggi *sikit* [sedikit], dia bernasib baik, paling kurang pun cikgu.

TMH: *Loni* [sekarang] pun kalau tanya budak-budak apa cita-cita mereka, kebanyakan mereka akan menjawab polis atau doktor. Masa budak-budak *tu* [itu] cita-cita *tak* [tidak] ada lagi.

MDY: *Ha* [Ya] *tak* [tidak] ada, boleh kata *tak* [tidak] ada cita-cita. Cikgu yang kelas belakang biasa kalau dia tanya nak jadi apa, kebanyakannya murid menjawab doktor walhal mereka sendiri tidak tahu apa sebenarnya pekerjaan sebagai doktor, macam *tu* [itu].

TMH: Boleh Pak Daud cerita Pak Daud ni jenis orang *lagu* [macam] mana, daripada segi kelakuan, perwatakan. Boleh Pak Daud cerita *sikit* [sedikit], Pak Daud *ni* [ini] jenis orang *gano* [macam mana]?

MDY: Pak Daud *ni* [ini] jenis *gapo* [macam mana] *tak* [tidak] tahu (ketawa). Pak Daud *ni* [ini] *gemar* [minat] *ko* [kepada] seni pertukangan, bermakna kita *gemar* [minat] kepada inovasi untuk menaik taraf kedudukan bidang *ni* [ini]. *Pasal* [sebab] dalam bidang *ni* [ini] cuma Pak Daud seorang *je* [sahaja] dilantik oleh Kraf Tangan Malaysia untuk memartabatkan semula barang-barang perak *ni* [ini].

TMH: Kalau Pak Daud masih ingat, boleh Pak Daud cerita *masa* [ketika] zaman budak-budak *dulu* [dahulu], zaman remaja *dulu* [dahulu] *gano* [macam mana] kehidupan Pak Daud?

MDY: Umur berapa *tu* [itu] lebih kurang?

TMH: Umur belasan tahun.

MDY: *Masa* [ketika] *tu* [itu], *masa* [ketika] Pak Daud sekolah rendah *tu* [itu], Sekolah Melayu Padang Garong. Kita *tak* [tidak] ditekankan untuk pelajaran, cuma atas inisiatif sendiri kalau rasa suka, boleh belajar. Setelah balik rumah, *tak* [tidak] ada apa, kita pergi bermain. Kadang-kadang pergi tangkap ikan, kalau musim wau, main wau, *tu* [itu] zaman *dulu* [dahulu].

TMH: Macam budak-budak zaman *loni* [sekarang], tapi jauh berbeza.

MDY: Jauh sangat berbeza. Kalau *nak* [hendak] makan buah jambu, *naik* [panjat] pokok jambu, orang *tak* [tidak] marah *teko* [ketika] *tu* [itu]. Pokok jambu orang ke, pokok keriat orang ke, orang *tak* [tidak] marah. *Masa tu* [itu] *tak* [tidak] ada harga. Cuma *saeng* [berkawan] dekat kampung *je* [sahaja]. Main buah gurah, main kotak. “Tahu main kotak *lagu mano* [macam mana]?” Main kotak ni [ini], kita kumpul kotak-kotak rokok, kalau dapat kotak jenama pelik-pelik markah dia tinggi (ketawa). *Masa tu* main buah gurah, main wau, tangkap ikan laga *tu* [itu], zaman umur *sepuluh* [10] tahun ke bawah.

TMH: Zaman saya pun *dey* [sempat] lagi main *bendo* [perkara] *gitu* [macam itu].

MDY: Zaman remaja *tu* [itu], kita pergi ke sekolah menengah *tu* [itu] dia ada teras-teras untuk membangunkan kita sendiri. Cikgu ajar *cara* [mengenai] kesihatan, *cara* [mengenai] masa depan. Jadi menitik berat kepada pelajaran.

TMH: Dulu [dahulu] keluarga Pak Daud ni [ini] gano [macam mana]? Orang berada ke? orang biasa-biasa ke?

MDY: *Tak* [tidak] ada, orang *kelas rendah* [biasa-biasa] *je* [sahaja] *mugo* [sebab] buruh *je* [sahaja], ketika *tu* [itu] buruh gaji ayah *dulu* [dahulu] *dalam lapan puluh* [RM80] *ya* [ringgit] ke *seratus* [RM100] lebih macam *tu* [itu]. Kalau penilaian *loni* [sekarang], *dulu lapan puluh* [RM80] *ya* [ringgit], sekarang *lapan ratus* [RM800]. Kalau *seratus* [RM100] lebih *tu* [itu], *seribu* [RM1000]. Lebih kurang macam *tu* [itu].

TMH: Pak Daud imbau-imbau kembali, apa kenangan manis ataupun kenangan pahit dalam hidup Pak Daud?

MDY: Alam mana *tu* [itu]? Alam belasan ke? Alam kecil ke?

TMH: *Wak* [yang] dulu ke *wak* [yang] *loni* [sekarang], kalau *loni* [sekarang] ada lagi kenangan pahit ataupun manis, masa remaja dulu ke.

MDY: Pahit *tu* [itu] *tak* [tidak] ada lagi rasanya (ketawa), pahit *tu* [itu] *tak* [tidak] ada lagi yang besar.

TMH: Kenangan manis *tu* [itu] kenangan *wak* [yang] ingat sampai *loni* [sekarang], *wak* [yang] *dulu* [dahulu] sampai *loni* [sekarang].

MDY: Kenangan manis hari *ni* [ini] yang Pak Daud terima adiguru *tu* [itu], maknanya kerajaan Malaysia mengiktirafkan ketukanan Pak Daud *tu* [itu]. *Tu* [itu] yang

paling bahagia. Sekurang-kurangnya kalau kita mati, orang kata adiguru, ada nama. Jadi bila ada upacara di Kuala Lumpur, dia akan sebut la mana yang mati, sejarah-sejarah *tu* [itu]. Dari segi ekonomi dia macam *tu* [itu], naik turun, naik turun, kita *tak* [tidak] boleh buat apa.

TMH: Dalam berniaga *ni* [ini] biasa naik turun, naik turun.

MDY: *Ye* [Ya] naik turun.

TAMAT BAHAGIAN A

BAHAGIAN B: PENDIDIKAN TOKOH

TMH: Jadi kita ke *segment* [bahagian] pendidikan, boleh Pak Daud *oyak* [bagi tahu] nama sekolah rendah dan tahun bila.

MDY: Pak Daud mula-mula belajar sekolah rendah *tu* [itu], (sambil berfikir) *SMPG* [Sekolah Melayu Padang Garong].

TMH: Pada tahun?

MDY: Pada tahun *seribu sembilan ratus lima puluh dua* [1952], darjah *satu* [1].

TMH: Sekolah menengah *start* [mula] pada?

MDY: Sekolah menengah setelah *empat* [4] ke *lima* [5] macam *tu* [itu].

TMH: Sekolah mana *tu* [itu]?

MDY: Sekolah Sultan Ismail College, Special Malay Sultan Ismail College. Sekolah inggeris, sekolah nombor *satu* [1] dalam Kelantan (ketawa).

TMH: Masa [ketika] *seribu sembilan ratus lima puluh enam* [1956]?

MDY:*Ha* [Ya], campur lima [5] tahun *jolo* [betul] la.

TMH: *Seribu sembilan ratus lima puluh tujuh* [1957] macam *tu* [itu]?

MDY: Belum merdeka lagi, (sambil mengira) *seribu sembilan ratus lima puluh dua* [1952] sekolah rendah, *seribu sembilan ratus lima puluh enam* [1956] masuk *SIC* [Sultan Ismail College]. Sebelum merdeka.

TMH: *Gane* [macam mana] persekolahan *masa* [ketika] *tu* [itu]? mungkin berbeza sebab *masa tu* [itu] sebelum merdeka lagi.

MDY: Ketika Pak Daud masuk sekolah *SIC* [Sultan Ismail College], sekolah inggeris *tu* [itu], dia ada etika. *Tak leh* [tidak boleh] *kecek* [cakap] melayu (ketawa), kalau *kecek* [cakap] melayu denda *sepuluh sen* [RM0.10]. Lepas *tu* [itu] kita berkomunikasi dengan cikgu-cikgu semua dalam bahasa inggeris. Kita *Special Malay* [peralihan daripada sekolah melayu ke sekolah inggeris], *Special Malay ni* [ini] bermakna peralihan daripada sekolah melayu pergi ke sekolah inggeris. Dari situ kita dapat biasiswa, dengan *free* [percuma] *tak* [tidak] *payah* [perlu] bayar. Sekolah inggeris disiplin memang *kuat* [tegas], pakaian kena jaga, lepas *tu* [itu] tingkah laku kena jaga, hormat pada guru-guru. Walaupun kita *tak* [tidak] salah, tapi kalau guru kata salah, terpaksa kita hormat, akur.

TMH: *Dulu* [dahulu] Pak Daud *gi* [pergi] sekolah jalan kaki ke? Naik motor ke?

MDY: *Masa tu* [itu] bas sekolah ada, naik bas sekolah. Selepas bas sekolah, boleh basikal, *masa tu* [itu] basikal. Ibu bapa *harap* [percaya], boleh *naik* [bawa] basikal.

TMH: Jauh ke rumah dengan sekolah?

MDY: Lebih kurang *dua* [2] batu. *Dua* [2] batu *tak* [tidak] hairan *dulu* [dahulu] *gatih* [bawa] basikal, *loni* [sekarang] *dua* [2] batu kalau *gatih* [bawa] basikal habis berpeluh (ketawa).

TMH: Masa sekolah rendah *dulu* [dahulu], matapelajaran *gapo* [apa] *wak* [yang] Pak Daud minat?

MDY: Berminat *tu* [itu] dia panggil pembacaan.

TMH: Memang subjek dia?

MDY: Subjek dia *tak* [tidak] banyak. Membaca, menulis, mengira dan melukis. *Empat* [4] semua (bunyi telefon bimbit). *Satu* [1] cikgu *tu* [itu] untuk semua sekali. *Satu* [1] kelas *satu* [1] cikgu, cikgu *tu* [itu] yang bertanggungjawab ke atas anak murid. *Tak de* [tiada] tukar ganti. Sekarang subjek matematik cikgu lain, bahasa inggeris cikgu lain.

TMH: Masa sekolah menengah?

MDY: Masa sekolah menengah kita dapat buku, nak beli buku, semua buku.

TMH: Masa *tu* [itu] banyak *jugak* [juga] matapelajaran?

MDY: Matapelajaran masa *tu* [itu] banyak. *History* [sejarah], geografi . Serupa *loni* [sekarang], sains pun ada ketika *tu* [itu]. Sains *tu* [itu] dia pecahkan ke biologi,

chemistry [kimia] dan fizik, dia pecahkan bukan sekali, *loni* [sekarang] *tak* [tidak] tahu *lagu* [macam] mana.

TMH: Kalau Pak Daud ingat lagi, pencapaian dalam bidang pelajaran?

MDY: *Masa* [ketika] *tu* [itu], pencapaian Pak Daud kurang memuaskan, *pasal* [sebab] kita pun dengan ekonomi, dengan benda lain, jadi *tak* [tidak] boleh ikut. *Masa tu* [itu] bangsa cina dah ada tuisyen, kita *je* [sahaja] *tak* [tidak] tahu masa *tu* [itu]. Anak-anak orang kaya semua dia hantar tuisyen. Kita *Special Malay* [peralihan daripada sekolah melayu ke sekolah inggeris], *Special Malay* nak kuasai bahasa inggeris ambil masa *setahun* [1] ataupun *dua* [2] tahun. Lepas *tu* [itu] matematik, dia ajar pun kita *tak* [tidak] paham. Sebab ilmu *tu* [itu] masuk mendadak, jadi otak kita masa *tu* [itu] *tak* [tidak] sehebat otak-otak orang lain.

TMH: *Masa* [ketika] zaman sekolah *dulu* [dahulu], ada ke kenangan-kenangan *wak* [yang] ingat lagi sampai *loni* [sekarang]? Kenangan manis ke, kenangan pahit ke zaman sekolah *dulu* [dahulu] (bunyi orang batuk).

MDY: Kenangan pahitnya, nak pergi ke sekolah *tu* [itu] terlampau jauh. Lepas *tu* [itu] *kelik* [balik] dalam pukul *tiga* [3] ke pukul *empat* [4]. Kenangan manis, boleh belajar di sekolah *tu* [itu], siapa yang menjejakkan kaki ke sekolah *SIC* [Sultan Ismail College] *tu* [itu] dia panggil orang *biso* [hebat] (ketawa).

TMH: Masa [ketika] sekolah *dulu* [dahulu], *saeng – saeng* [kawan-kawan] baik *tu* [itu] *saeng* [berkawan] lagi sampai *loni* [sekarang]?

MDY: Ada, kawan baik *tu* [itu] kalau dia ada di Kota Bharu ada la.

TMH: Banyak yang *duk* [menetap] *luar* [luar kelantan]?

MDY: Kebanyakkan tinggal *luar* [luar Kelantan], semua jadi pegawai-pegawai atasan semua di Kuala Lumpur, di Johor. Kalau pergi ke sana, dia panggil jumpa dia. Tapi *loni* [sekarang] *tak* [tidak] ada, pencen *habis* [semua]. Pegawai-pegawai *tak* [tidak] ada dah. Ada *saeng* [kawan] *tu* [itu] dia buka kilang, tapi dia aktif lagi *loni* [sekarang]. Kilang *component* [peralatan] kereta. Dia ada kilang, di Bangkok *dua* [2] buah.

TMH: *Lepas* [selepas] dari sekolah menengah *tu* [itu], *tak* [tidak] sambung belajar?

MDY: *Tak* [tidak], *lepas* [selepas] Pak Daud ambil *LCE* [Lower Certificate Education], dia panggil *LCE* [Lower Certificate Education] ketika *tu* [itu]. Maknanya tingkatan *tiga* [3]. Pak Daud *tak* [tidak] sambung, *pasal* [sebab] Pak Daud minat kepada *ni* [ini] [pertukangan perak]. Pak Daud tengok keadaan *tu* [itu] jadi berminat. *Pasal* [sebab] Pak Daud tengok *benda* [pertukangan perak] *ni* [ini] dekat rumah, bengkel pak saudara ketika *tu* [itu].

TMH: *LCE* [lower certificate education] *ni* [ini] masa tingkatan *tiga* [3]?

MDY: Ya, tingkatan *tiga* [3], masa *tu* [itu] boleh jadi cikgu dah.

TAMAT BAHAGIAN B

BAHAGIAN C: KERJAYA TOKOH

TMH: *Habis* [selesai] dah bahagian pendidikan, jadi kita masuk bahagian kerjaya Pak Daud. Kerja pertama Pak Daud *ni* [ini], kerja pertukangan perak?

MDY: Ya, pertukangan perak, kerja pertama mula-mula *jamoh* [buat], buat pertukangan perak.

TMH: Anggaran kasar, berapa tahun dah dalam bidang *ni* [ini]?

DMY: Dalam bidang *ni* [ini], Pak Daud cebur [terlibat] setelah umur *lapan belas* [18], (sambil menekan kalkulator) dalam *lima puluh empat* [54] tahun. Lama dah, boleh masuk muzium dah (ketawa).

TMH: Faktor yang menyebabkan Pak Daud *menceburkan* [melibatkan] diri dalam bidang pertukangan perak *ni* [ini]?

DMY: Faktornya nombor *satu* [1], Pak Daud tengok semua tukang-tukang perak *ni* [ini] *loaded* [mewah], pendapatan tinggi. Kalau nak bandingkan dengan buruh, dengan kerani biasa ketika *tu* [itu], *dia* [pertukangan perak] melebihi. *Masa* [ketika] *tu* [itu] kalau kerani, dia boleh pakai *basikal raili* [merujuk kepada model basikal sekitar tahun 1970-an]. *Pasal* [sebab] dalam bidang *ni* [ini] Pak Daud tengok motosikal ada, *kereta sport* [merujuk kepada model kereta sekitar tahun 1980-an] pun ada. Lepas *tu* [itu] boleh tengok dia *buat* [bina] rumah besar-besar *belaka* [semua] *masa tu* [ketika itu]. *Tu* [itu] yang Pak Daud

berminat. *Lepas tu* [selepas itu] kita pun ada seni dah barangkali, jadi suka la, dianugerahkan oleh Allah S.W.T seni *tu* [itu] ada.

TMH: Orang kata *tangan hidup* [tangan yang mempunyai seni dan kreatif secara semula jadi].

MDY: Tangan hidup (ketawa).

TMH: Kalau Pak Daud boleh kongsi, berapa pendapatan dalam bidang *ni* [ini].

MDY: Sekarang *ni* [ini] Pak Daud tidak bertukang, dalam dekat *enam* [6] tahun *ni* [ini] Pak Daud *tak* [tidak] bertukang sepenuh masa. Jadi Pak Daud urus meniaga sedikit sebanyak.

TMH: Anggaran pendapatan Pak Daud berapa?

MDY: Dalam *lima ribu* [RM5000] macam *tu* [itu]. *Lima ribu* [RM5000] kebawah.

TMH: Kalau untuk *dulu* [dahulu], *masa* [ketika] Pak Daud bertukang sepenuh masa?

MDY: Pak Daud bertukang sepenuh masa kalau buat perbanding masa *tu* [itu] *CC* [Cheif Clerk] *cheif clerk* [ketua kerani] dia dapat *tiga ratus lima puluh* [RM350], Pak Daud dapat *lima ratus* [RM500] lebih dah ketika *tu* [itu] jadi tukang.

TMH: Ada siapa-siapa *wak* [yang] dorong Pak Daud untuk buat pertukangan perak *ni* [ini]?

MDY: Pak Daud belajar dan didorong oleh bapa saudara, Wan Jaafar Ahmad nama dia. Dia tukang sepenuh masa.

TMH: *Loni* [sekarang] pun?

MDY: *Loni* [sekarang] dia mati dah. Jadi Pak Daud ambil ilmu dia, ilmu asas. Benda ni asas *jo* [sahaja], *lepas tu* [selepas itu] kita cari sendiri, pengalaman sendiri. Dialah yang mendorong buat kerja. Mula-mula jadi *koli* [pekerja] dia, lepas jadi *koli* [pekerja] *tu* [itu], kita ada peningkatan sedikit, lepas *tu* [itu] kita belajar di sekolah cara-cara baca pelan, cara-cara *scale* [ukur] jadi kita mudah kedepan.

TMH: Pada masa tu, ibu bapa Pak Daud sokong *dok* [tidak]?

MDY: Ayah sokong dan dorong, dia yang memperkenalkan Pak Daud, dia kata “ambik la anak dia ni seorang untuk belajar”. Dia *tak* [tidak] bagi *makan gaji* [bekerja di sektor awam atau swasta dan dibayar gaji bulanan] ketika *tu* [itu], kenapa dan mengapa Pak Daud *tak* [tidak] tahu, tapi hari *ni* [ini] Pak Daud *nampak* [tahu] kenapa dia *tak* [tidak] bagi kita makan gaji.

TMH: Masa mula-mula Pak Daud masuk dalam bidang pertukangan perak, ada ke cabaran contoh macam *tak* [tidak] ada *market* [pasaran] ke?

MDY: Cabaran *ni* [ini] banyak, kita panggil *Tsunami* [bahasa kiasan yang merujuk kepada jatuh bangun dalam perniagaan]. Satu masa dia *tak* [tidak] ada bahan mentah, satu masa *tu* [itu] kita *tak* [tidak] ada tempahan.

TMH: Masa *tu* [itu] tahun bila?

MDY: Tahun *tu tak* [itu tidak] ingat, *tujuh puluh* [70 an], lepas *tu* [itu] kita bangkit semula daripada *tu* [itu] tahun *lapan puluh* [80 an], (tidak pasti) *lapan puluh lima* [85] atau *lapan puluh enam* [86] macam *tu* [itu]. Kita bangkit semula *masa tu* [ketika itu] era *Mahathir* [Tun Dr Mahathir bin Mohamad iaitu perdana menteri Malaysia yang ke-4], era Mahathir *ni* [ini] dia kata buat barang dulu baru boleh jual. Mesti ada barang dulu baru boleh jual, Pak Daud *ambik* [ambil] prinsip dia, ada barang kita boleh meniaga. *Masa tu* [ketika itu] cukup-cukup [sangat] maju *bab* [mengenai] pertukangan, *masa tu* [ketika itu] Pak Daud bertukang lagi, siang malam. Siang dan malam buat kerja, tapi dapat *pitih* [duit], sebab kita letak harga berapa dia *tak* [tidak] kisah *masa tu* [itu]. (Tidak pasti) *Lapan puluh lima* [85] hingga *sembilan puluh dua* [92] ke *sembilan puluh tiga* [93], semua *loaded* [mewah]. Harga *etok* [spesis siput yang menjadi makanan warga Pantai Timur] biasa *lima sen* [RM0.05] jadi *dua* [RM2] *ya* [ringgit] (ketawa) *masa tu* [ketika itu], barang habis naik tapi *tak* [tidak] apa *pitih* [duit] banyak. Kalau *nak* [hendak] buat barang, misalnya askar nak suruh buat barang, bagi harga *tiga ribu* [RM3000] *tak* [tidak] banyak *kecek* [cakap] terus tempah.

TMH: *Tak* [tidak] banyak *complain* [merungut]?

MDY: *Tak* [tidak] banyak *complaint* [merungut], sebab peruntukan kerajaan pun ada.

Setelah era *Mahathir* [Tun Dr Mahathir bin Mohamad iaitu perdana menteri Malaysia yang ke-4], dia menurun. Selepas menurun *tu* [itu] banyak hal, macam-macam hal. Perak naik mendadak, tempahan *tak* [tidak] ada. Jadi tahun *dua ribu empat belas* [2014] hari *ni* [ini], tahun *ni* [ini], ada peningkatan. Banyak tempahan daripada istana, daripada *PM* [Perdana Menteri] sendiri. *PM* [Perdana Menteri] pun melalui Karangneka di Kuala Lumpur bukan *direct* [terus] dengan Pak Daud, kalau istana *direct* [terus] dengan Pak Daud.

TMH: *Masa dulu* [ketika dahulu] , *masa* [ketika] tahun *tujuh puluh* [70 an] *dulu* [dahulu], ketika krisis, *gano* [macam mana] Pak Daud atasi masalah *tu* [itu]? sebab *tujuh puluh* [70 an] ke *lapan puluh* [80 an] *tu* [itu] lama.

MDY: *Yalah* [Ya], kita buat satu alternatif lain, makna nya daripada perak pergi ke tembaga *plating* [penyaduran]. Semua barang-barang kecil hingga besar semua kita buat tembaga ataupun kita campur banyak tembaga dengan perak. Bila lama dah kita buat, kita campur bermakna sukatananya ialah *dua* [2] tembaga *satu* [1] perak. Kita jual kepada cina di Kuala Lumpur, dia akui boleh ambil, jadi dia ambil barang *tu* [itu]. Barang-barang *filigree* [kerawang] macam *brooches* [kerongsang], subang, kita buat dengan tembaga semua. Tapi *plating* [penyaduran] perak.

TMH: *Masa [ketika] tu [itu] tembaga mudah nok boleh [senang diperoleh]?*

MDY: Mudah, kita ambil wayar untuk buat *coil* [gegelung wayar] kita beli yang *tu* [itu], lepas *tu* [itu] tembaga keping *tu* [itu] kita lebur sendiri dengan wayar elektrik *tu* [itu]. Lepas *tu* [itu] kita *plating* [penyaduran] dengan perak *tu* [itu], jadi serupa perak juga.

TMH: *Masa [ketika] krisis tu [itu] meniaga tetap berjalan?*

MDY: *Tetap berjalan* [masih beroperasi seperti biasa].

TMH: *Masa tu [ketika itu] , ada dah kedai ni [ini]?*

MDY: *Masa tu tak* [ketika itu tidak] ada, Pak Daud bekerja dekat depan *tu* [itu] (sambil menunjuk ke seberang jalan). Depan *tu* [itu] *tokey* [majikan] Pak Daud. Kedai *tu* [itu] Mohd Salleh and Son yang paling teguh *masa tu* [ketika itu] di seluruh dunia, orang terkenal dia *tu* [itu].

TMH: Kalau Pak Daud masih ingat lagi, apa ukiran perak pertama yang Pak Daud buat?

MDY: Pak Daud buat keris, keris *tie clip* [klip tali leher].

TMH: Dalam bidang pertukangan perak *ni* [ini], susah *tak* [tidak] untuk menghasilkan satu-satu produk *tu* [itu]?

MDY: Kalau kita *ngaji* [belajar] di sekolah lepas *tu* [itu] kita ada dah seni dalaman, dalam masa *setahun* [1 tahun] kita boleh buat dah barang. Tapi buat *tu* [itu] boleh sahaja, tapi *tak* [tidak] tahu kaedah yang mana, buat *tu* [itu] boleh. Tapi kena ada juga orang didepan kita untuk tunjuk ajar. Dalam masa *tiga* [3] tahun dia boleh buat kerja.

TMH: Susah *jugak* [juga] kalau orang *tak* [tidak] *ada seni* [kemahiran semula jadi]?

MDY: Susah, sebab bila banyak tempahan, kita *tak* [tidak] boleh *ambik* [ambil] orang biasa-biasa *ni* [ini] tidak *supo* [seperti] batik. Kalau batik dapat tempahan beberapa ratus ela, berapa ribu ela, dia boleh panggil orang. Dia boleh ajar, “kamu celup *gini* [macam ini], celup *gitu* [macam itu]”. *Ni* [ini] kena kikir, kena perhati, kena *adu* [gabung] lepas *tu* [itu] *finishing* [penamat] *pulok* [pula]. Payah la (ketawa).

TMH: Biasa berapa lama Pak Daud buat satu-satu benda *tu* [itu]? ke dia bergantung?

MDY: Bergantung kepada barang, kalau barang macam *ni* [ini] (sambil tunjuk ke arah gong), *tiga* [3] minggu. Kalau macam *ni* [ini] (sambil menunjuk ke arah *jewelry box* [kotak perhiasan] lebih kurang *dua* [2] minggu.

TMH: Kalau untuk barang kecil-kecil?

MDY: Kecil-kecil dalam *dua* [2] hari ke *tiga* [3] hari.

TMH: Bila Pak Daud tubuh DY Silver Craft *ni* [ini]?

MDY: Pak Daud tubuh DY Silver Craft *ni* [ini] dalam lebih kurang *sepuluh* [10] tahun dah, selepas anak Pak Daud *masuk* [melibatkan diri], Pak Daud pun daftar.

TMH: Kalau Pak Daud boleh kongsi, berapa modal Pak Daud *masa* [ketika] nak tubuh DY Silver Craft *ni* [ini]?

MDY: Anggaran *lima ratus ribu* [RM500,000] *masa tu* [itu]. Baru kita boleh buka kedai dan ambil tempahan.

TMH: Modal *tu* [itu] pinjaman ke? Ataupun duit simpanan?

MDY: Kita *tak* [tidak] buat buka secara serentak, *masa tu* [itu] kita tukang, kita ada dah barang-barang *stock* [bekalan] dalam almari semua, setelah nampak dia boleh buat pameran, Pak Daud *wak* [ambik] *tubik* [keluarkan]. *Hok* [yang] buat kerja *tu* [itu] Pak Daud teruskan. Jadi Pak Daud buat anggaran dalam *lima ratus ribu* [RM500,000].

TMH: Buat modal pusingan?

MDY: Ya, pusingan, kita buat kerja *ada* [dapat duit]. Lepas *tu* [itu] pada tahun *lapan puluh lima* [85] sampai *sembilan puluh tiga* [93] kita tukang perak *ni* [ini] *loaded* [mewah]. Kalau buah rambutan, *luruh* [jatuh] *tak* [tidak] ada orang kutip, *loaded* [mewah] *do'oh* [sangat] *masa* [ketika] *tu* [itu]. Yela, rezeki Allah *belaka* [semua], kita sempat kumpul-kumpul buat modal.

TMH: Kira *takdok* [tidak ada] pinjaman?

MDY: *Tak* [tidak] ada pinjaman, pinjaman *ni* [ini] Pak Daud *tak sey* [tidak hendak] jugak [juga] sebab *interest* [faedah] *ni tak* [ini tidak] boleh. *Belah* [Negeri Kelantan] kita *ni tak* [ini tidak] boleh (ketawa). Kalau kita boleh kumpul sendiri, kumpul *koho-koho* [pelan-pelan]. Kalau kita *kecek* [cakap] *gitu* [macam itu] *tak* [tidak] boleh *pasal* [sebab] *demo* [orang] nak buat kerja modal *tak* [tidak] ada, terpaksa buat pinjaman. Aset kita, aset yang ada ditubuh kita, *hok* [yang] *tu* [itu] akan berjalan, *tak* [tidak] apa *hok* [yang] *tu* [itu], sebab Pak Daud ada dah, *tak* [tidak] apa la *tak* [tidak] perlu.

TMH : Macam mana Pak Daud boleh ilham hendak tubuhkan DY Silver Craft ini?

MDY : *Pasal* [sebab] *masa tu* [ketika itu], dalam *sepuluh* [10] tahun *tu* [itu], Pak Daud tengok tempat Pak Daud dapat tempahan *tu* [itu] merosot. Lepas merosot *tu* [itu], dalam *dua ribu empat* [2004], banyak kedai-kedai perak *tu* [itu] merosot, *pasal* [sebab] Pak Daud tubuh pun dalam *dua ribu empat* [2004] juga. Jadi Pak

Daud kena cari pasaran sendiri. Jadi *satu* [1] orang hamba Allah *tu* [itu] dia kenal Pak Daud, dia mari tempat Pak Daud, dia *nak* [hendak] barang. Jadi dia tempah sendiri, Pak Daud akan bagi ke dia *ni* [ini]. *Sapa* [sampai] ke hari *ni* [ini], kita *ngan* [dengan] dia *tu* [itu] ada berhubung *sokmo* [selalu].

TMH : Dia ambil barang lagi?

MDY : *Ah* [ya]. Ambil barang. Dia *tu* [itu] asas kitanya. Lepas itu yang lain kita cari untuk *kemah* [menguatkan lagi ikatan] *jela* [sahaja]. Dia *goni* [benda ini] rezeki jugak, rezeki Allah juga. Bukan kata mari *gitu* [macam itu], *dok* [tidak]. Kehendak Dia *belaka* [semua].

TMH : Masa [ketika] mula-mula penubuhan, ada ke halangan-halangan atau smooth [lancar] macam itu sahaja?

MDY : *Masa* [ketika] penubuhan itu tidak payah *pasal* [sebab] kita sudah ada barang. Stok kita *duk taruh* [simpan] di rumah dan kedai.

TMH : Masa [ketika] itu barang sudah banyak ke?

MDY : Barang sudah ada bukan sudah banyak, *pastu* [selepas itu] barang tempahan pun ada bermakna kita *tak* [tidak] *pelik* [tidak susah untuk memulakan perniagaan], barang ada *dah* [sudah], tempahan pun ada. Tubuh syarikat *jah* [sahaja].

TMH : Macam mana persaingan dengan pertukangan perak lain?

MDY : Masa *tu* [itu] persaingan *tak dok doh* [sudah tidak ada] *pasal hok* [sebab kerana yang] mana ada *saing tu* [persaingan itu], tauke-tauke Pak Daud semua *go* [meninggal] *belaka* [semua]. Jadi Pak Daud *zum* [melonjak] naik. Itu *je* [sahaja]. Ini kerana mereka yang mempunyai syarikat besar tidak mampu membayar gaji pekerja. Jadi Pak Daud *ni* [ini] tukang, ada anak seorang, bermakna kita mampu tetapi kerja keras, kena *hunggar* [bergegas] Kuala Lumpur atau dimana sahaja yang disuruh. Jadi tiada persaingan, disitu menonjolnya Pak daud dalam perniagaan.

TMH : Macam mana persaingan untuk zaman sekarang?

MDY : Tapi bagi Pak Daud persaingan *tak dok* [tiada] cuma ada sebuah kedai terkenal milik Encik Manan disitu. *Mulo* [dahulu] dia dapat adiguru macam Pak Daud juga, lepas *tu* [itu] dia dapat anugerah negara apa entah, tidak sempat *nak* [hendak] terima anugerah *tu* [itu], dia mati. Dia perak *ni* [ini] dia kena ada juga sorang *specialist* [pakar], *bare* [pakar] tengok barang, *bare* [pakar] tempah barang, *pastu* [selepas itu] kalau orang *tok leh* [tidak boleh] buat, kita kena turun padan sendiri buat. Kalau kita *dok* [tidak] turun padang, *nyo sembelih tengkok* [ditipu] ke tukang-tukang. Faham *dah* [sudah]?

TMH : Faham-faham. Kira persaingan itu tiada.

MDY : Persaingan *tu* [itu] buat masa *leni* [sekarang] *tak dok* [tiada] lagi. *Pasal hok* [kerana yang] mana-mana ada *tu* [itu] semua *duk* [duduk] diam *gitu* [macam

itu]. Jadi Pak Daud *ni* [ini] Alhamdulillah, boleh *koho-koho* [perlahan-lahan]. Jadi tukang-tukang *hok* [yang] mana *tersebet* [mengganggu] diluar *nuh* [sana], tersebet ni maknanya *tak dok* [tiada] kerja, dia boleh mari *kat* [dekat] Pak Daud, Pak Daud senang bagi kerja. *Tu jela* [itu sahaja]. Kalau persaingan *ni* [ini], kita suruh tukang mengganggu buat kerja, mereka sudah ada kerja lain. Jadi *tu* [itu] persaingan.

TMH : Perniagaan buat masa sekarang okey?

MDY : Ya, okey. Cuma pemasaran kita *slow* [perlahan] lagi. Bermakna Pak Daud tidak rancak, jadi *slow* [perlahan] tapi silih berganti.

TMH : Pak Daud ada berapa orang pekerja?

MDY: Disini ada *lima* [5], di kampung dia buat di rumah dia, yang itu *tiga* [3], yang itu *tiga* [3] (sambil mengira), *enam* [6] *hok* [yang] luar. Syarikat kita *lima* [5], lepas *tu* [itu] *pelakon tambahan* [bahasa kiasan merujuk kepada pekerja tambahan] dia panggil *dok* [tidak]? "*Pelakon* [pekerja] gapo *hok* [apa yang] kita panggil mari-mari *meta gitu?* [sekejap macam itu]". *Extra* [tambahan].

TMH : Kira yang itu tidak tetap? ada kerja baru panggil ke macam mana?

MDY : Tapi kita kena *wi* [beri] kerja juga, takut dia lari *gi* [pergi] kerja *mugo* [tempat] lain *gak* [pula], terpaksa kita kena jaga. Aset kita. *Gitu la* [macam itu].

TMH : Kalau semua *sebelas* [11] orang setakat ini?

MDY : *Ah* [ya], lebih kurang *tu la* [macam itu].

**TMH : Untuk pekerja-pekerja Pak daud, Pak Daud pilih macam mana?
Berdasarkan apa Pak Daud pilih mereka kerja?**

MDY : Kita pilih dia atas kemahiran dia. Kemahiran dengan kecantikan dia. *Bare* [pekerja] *molek* [bagus] lah dia tu [itu]. Kalau *bare* [pekerja] *dok molek* [tidak bagus], Pak Daud *reject* [buang] *laluh* [serta-merta] *pasal* [sebab] orang *complain* [mengadu] pada Pak Daud, macam-macam jadi Pak Daud tidak mahu. Kita ambil *hok* [yang] betul-betul boleh mengukir. *Hor* [ya], *complaint* [mengadu] ke bos. *Hok tu* [yang itu] *beratnya* [merujuk kepada majikan yang terpaksa menanggung jika pekerja tidak melalukan kerja dengan baik dan kemas].

TMH : Selain itu, disiplin kena ada?

MDY: *Ha-ha* [ya]. Etika dia kena ada walau dia *duk* [berada] dekat, dia *duk* [berada] di rumah pun, etika dia kena ingat. Kena ada bermakna, barang mesti *tetap* [siap] pada tarikh *hok kito nok* [yang kita mahu] *pasal* [sebab] kita *deal* [persetujuan] dengan *dia* [pelanggan] *tu* [itu]. *Barang ni* [ini] *berapa minggu, pastu lagu mano* [lepas itu macam mana] [merujuk kepada jenis barang dan tempoh yang diambil untuk menyiapkan satu-satu barang], kita sudah *deal* [persetujuan] dengan *dia* [pelanggan]. Dia kata setuju, *okey* [baiklah] siap, *pastu* [selepas itu] buat. Dalam masa tu kita *basi* [tipu] *sikit* [sedikit]. *Basi*

[tipu] kata pelanggan *nak* [hendak] barang siap *dua puluh lima* [25] hari bulan, kita *basi* [tipu] pelanggan *nak dua puluh* [20] haribulan mesti siap. *Lagu tu je* [macam itu sahaja].

TMH: Pak Daud ada bagi latihan ke pekerja-pekerja?

MDY: Latihan *tu hok* [itu yang] dalam bengkel Pak Daud *wi* [beri] latihan, Pak Daud ajar semua *seratus peratus* [100%], *hok* [yang] *luar* [merujuk kepada pekerja tambahan] *tu* [itu] dia ada cikgu dia zaman-zaman *dulu* [dahulu], dia belajar jadi kuli orang, pastu [selepas itu] tauke dia *tak dok* [meninggal], dia naik jadi tauke *jaguh budak-budak* [merujuk kepada menjadi ketua untuk pekerja-pekerja yang belum mahir].

TMH: Dalam pertukangan perak Pak Daud guna lagi peralatan-peralatan tradisional?

MDY: Memang *dok ubah* [tidak berubah] lagi, Cuma *lapan puluh peratus* [80%] tradisional. *Ha-ha* [ya]. *Pasal* [sebab] kita panggil *handycraft* [kraftangan]. Kalau tempahan banyak barulah kita akan ubah untuk jadi *lima puluh peratus* [50%] tangan, *lima puluh peratus* [50%] mesin. Keadaan sekarang kita *nak* [hendak] buat banyak tidak berbaloi *pasal* [sebab] bahan mentah dia mahal. Kalau kita kata “kontrak *nok ni* [hendak ini] setahun *lima puluh* [50] *butir* [biji]” , boleh kita cari mesin. Pak Daud sudah ada mesin, boleh buat *lima puluh peratus* [50%] tangan, *lima puluh peratus* [50%] mesin.

TMH: Pak Daud boleh bagi contoh-contoh alatan tradisional dalam pertukangan perak?

MDY : Contoh ada, *Tak po* [tidak apa] boleh ambil gambar. Boleh. Nombor *satu* [1], kikir. Nombor *dua* [2] gergaji. Nombor *tiga* [3] semawar (sejenis alatan tradisional). “*Gapo* [apa] orang panggil semawar?” Alatan yang orang picit kemudian mengeluarkan api (sambil buat bunyi). *Tak po* [tidak apa], *pukul* [ambil] gambar *sikit* [sekejap] lagi.

TMH : Pak Daud ada guna peralatan-peralatan moden?

MDY: Moden *tu* [itu] kita ambil mesin *jela* [sahaja]. Mesin untuk meleper dan membulat. Melebur kita guna gas. *Mulo* [dahulu] kita guna *hok* [yang] pijak (sambil buat bunyi). *Tu jela* [itu sahaja].

TMH: Apakah perbezaan produk menggunakan peralatan moden dengan tradisional?

MDY: Mesin ni kita nak meleper. *Dulu* [dahulu] kita tidak guna mesin, kita guna *katok* [ketuk], *katok-katok* [ketuk-ketuk] dia jadi *buka* [leper] *gitu je* [macam itu]. Jadi lambat.

TMH : Ada ke satu-satu produk memang guna mesin sepenuhnya?

MDY: Dia mesti kena ada mesin. Mesin bulat dan mesin leper. Pasal kita *nok* [hendak] *plate* [ratakan] *gini* [macam ini] (sambil tunjuk atas meja), untuk hasilkan setiap produk mesti bermula dengan *plate* [kepingan] macam ini.

TMH : Produk-produk Pak Daud seratus peratus [100%] buatan tangan?

MDY : *Lapan puluh peratus* [80%].

TMH : Produk apa dapat sambutan tinggi?

MDY :Sambutan tinggi, cederamata *jela* [sahaja]. Cederamata lepas *tu* [itu], (berfikir sekejap) *cokmar* [simbol kekuasaan dan kemuliaan sesebuah pemerintahan atau pentadbiran sebuah institusi yang dinaungi]. Ha [ya]. *Cokmar. Situ* [disitu] banyak permintaannya.

TMH: *Cokmar* [simbol kekuasaan dan kemuliaan sesebuah pemerintahan atau pentadbiran sebuah institusi yang dinaungi] dengan cederamata tu memang *lapan puluh peratus* [80%] buatan tangan?

MDY: Ha [ya].

TMH: Boleh Pak Daud senarai produk-produk Pak Daud pernah hasilkan?

MDY: Nombor *satu* [1] *cokmar*. Nombor *dua* [2] cederamata seperti *jewellery box* [kotak barang kemas]. Keris dengan perak macam *ni* [ini] (sambil tunjuk ke

arah keris). Lepas *tu* [itu] cenderamata *koran* (pemarut kelapa), gong, *numbuk* [lesung kaki]. *Tu* [itu] orang minta *belaka* [semua] dah. Ni [ini] *jewellery box* [kotak barang kemas] (sambil menunjuk ke arah kotak barang kemas).

TMH: Kira sambutan perak buat masa sekarang kira pada tahap mana, banyak ke *sikit* [sedikit] ke?

MDY: Sambutan perak *ni* [ini] melonjak, tahun *ni* [ini] dia melonjak naik *sikit* [sedikit]. Dulu perak mahal, tahun *dua ribu sepuluh* [2010], perak daripada *lapan ratus* [RM800] *sekilo* [satu kilogram] naik *empat ribu lapan ratus* [RM4800] *sekilo* [satu kilogram]. *Situ* [disitu] kita jadi pening, sambutan menurun. *Down* [turun] *tu* [itu] tapi kita *dok jenero* [tidak gulung tikar]. Tapi banyak *hok jenero* [yang gulung tikar] pun ada. *Pasal* [sebab] kita *ni* [ini] tukang, kita boleh olah *kot mano rano* [macam mana pon]. Jadi tahun *ni* [ini] *dua ribu empat belas* [2014], dia ada melonjak naik. *Pasal* [sebab] perak *ni* [ini] dia turun dari *empat ribu lapan ratus* [RM4800] kepada *dua ribu setengah* [RM2500]. Separuh *tak dok* [tiada], jadi tempahan ada semula.

TMH: Produk apa yang paling lama dan berapa kosnya?

MDY: *Hok* [yang] lama *ni* [ini], *jewellery box* [kotak barang kemas]. Dia dulu asalnya *cigarette box* [kotak rokok], setelah rokok tidak boleh di promosi, kita pon tukar kepada *jewellery box* [kotak barang kemas]. Yang *ni* [ini] kekal, daripada dahulu sampai sekarang.

TMH: Berapa lama nak buat?

MDY: Buat *dua* [2] minggu.

TMH: Kos berapa?

MDY: Kos dia lebih kurang *tiga ribu* [RM3000].

TMH: Corak dengan motif apa Pak Daud gubah?

MDY : Dahulu gubah corak bunga ketumbik dan bunga lawang. Jadi situ kita *dok sey dah* [sudah tidak mahu]. Corak tu ringkas sangat jadi kita tukar kepada awan larat dan bunga raya. *Pastu* [selepas itu] oka (sejenis ukiran), dia panggil oka (sambil lukis ukiran oka atas meja). *Tiga* [3] ukiran itu yang permintaan banyak.

TMH: Untuk corak dengan motif dalam pertukangan perak, apa yang jadi ikutan?

MDY: Motif pahat kebanyakan oka. Dia tak mati dari dulu sampai *leni* [sekarang], cuma kita ubah *sikit* [sedikit], ubah d ia daripada besar, kita *wat* [buat] kecil *sikit* [sedikit], nampak unik *sikit* [sedikit].

TMH: Pak Daud masih terima tempahan benda itu buat masa sekarang?

MDY: *Ha* [ya] ada. Buat masa *leni* [sekarang] ada lagi.

TMH: Apa produk Pak Daud yang paling eksklusif?

MDY: Eksklusif ni Pak Daud *wat* [buat] cokmar bandaraya Sabah, Kota Kinabalu. Terlalu unik *makan* [mengambil] masa dalam *tiga* [3] bulan. Pak Daud ingat lagi yang Pak Daud tidak ambil gambar (ketawa).

TMH: Berapa kos?

MDY : Kos dia masa *tu* [itu] dalam *lima puluh ribu* [RM50,000] masa *tu* [itu]. *Lepas tu* [selepas itu] Pak Daud buat cokmar Universiti Tentera Pertahanan. Dia buat pedang Zulfikar dalam masa *tiga* [3] tahun lepas (sambil tunjuk gambar). Lambang dia emas, kita sadur emas. Kira *ni* [ini] hasil Pak Daud *dua ribu dua belas* [2012]. *Ni* [ini] hasil kemudian. *Ni* [ini] dia panggil *cokmar* [simbol kekuasaan dan kemuliaan sesebuah pemerintahan atau pentadbiran sebuah institusi yang dinaungi]. Cokmar Universiti Pertahanan Malaysia. *Hok* [yang] terakhir Pak Daud dapat cokmar *nih* [ini].

TMH: Berapa bulan hendak siapkan?

MDY : *Hok tu* [yang itu] dalam masa *tiga* [3] bulan, *hok ni* [yang ini] cokmar bandaraya Johor Bharu (sambil menunjukkan gambar di dalam album). *Hok ni* [yang ini] lama, dalam *enam belas* [16] tahun lepas rasanya. Kalau *gi* [pergi] di Johor Bharu, kata *nak* [hendak] tengok cokmar Johor Bharu, dia *wi* [bagi]. *Ni* [ini] kalung dia Pak Daud *wat* [buat] juga (sambil tunjuk gambar). *Ha* [ya], dewan bandaraya Johor Bahru. Emas semua ni. (sambil tunjuk gambar). Kos dia lebih kurang tidak banyak *tekeh tuh* [ketika itu], dalam *tiga puluh ribu*

[RM30,000]. Dulu *tiga puluh ribu* [RM30,000] besar nilainya, sekarang sedikit sahaja (ketawa).

TMH: Pasaran Pak Daud dalam Malaysia atau eksport?

MDY: Pak daud ada *satu* [1] Brunei. Brunei ada tempahan buat masa *leni* [sekarang] ada lagi. *Tekoh* [semasa] perak mahal baru *ni* [ini] *dua ribu sepuluh* [2010], dia *break* [berhenti] *dua* [2] tahun. Lepas *tu* [itu], (sambil mengira) akhir *dua ribu dua belas* [2012], dia mari balik, tempah balik. Ada barang *tu* [itu], *xdok doh* [sudah tiada], Pak Daud *wi* [bagi] tukang suruh buat.

TMH: Produk apa Brunei tempah?

MDY: Kotak juga, *jewellery box* [kotak barang kemas] tapi dia ada cara dia. Lepas *tu* [selepas itu] cenderamata. Cenderamata dia kata dia *nak* [hendak] bagi *dua puluh* [20] orang dia, Pak Daud buat untuk *dua puluh* [20] orang. *Gitu la* [macam itu sahaja].

TMH: Untuk bahagian promosi, bahagian pemasaran anak Pak Daud ke yang uruskan?

MDY: *Ha* [ya], anak Pak Daud *belako* [semua] urus.

TMH: DY Silvercraft ada satu cawangan atau ada cawangan-cawangan lain?

MDY: Buat masa *ni tak dok* [ini tiada] lagi. Tengok InsyaAllah. Kalau ada cawangan pun Pak Daud akan buka di Kuala Lumpur . Tidak buka sini. Sini skop untuk kita buat kerja. Nanti *dia* [pasaran perak] naik sikit *jah* [sahaja] Pak Daud akan cari tempat. Kalau *dey* [sempat] dengan Pak Daud, kalau tidak anak urus pula. Dia pun berasa nampak *alok* [sebelah] Kuala Lumpur mudah untuk buat tempahan.

TMH: Macam mana dalam pertukangan perak Pak Daud mengekalkan daya saing dengan inovasi dalam rekacipta?

MDY : Pak Daud *ni* [ini] pentingkan mutu. Nombor *satu* [1] pentingkan mutu. Nombor *dua* [2] Pak Daud tidak menurunkan harga. Harga tu kita *based* [berdasarkan] atas mutu kita *wat* [buat] kerja lepas *tu* [itu] dengan corak dengan *gapo* [apa] kita jaga. Kalau *demo* [pelanggan] kata “ *bakpo* [kenapa] mahal sangat____, *demo* [pelanggan] berasa tidak mampu jangan ambil”, akhir sekali dia mari tempat Pak Daud juga. *Ha* [ya], macam keris, dia tunjuk contoh, Pak Daud kata harga keris ini *lima ribu* [RM5000], dia tidak puas hati dengan kita kata *lima ribu* [RM5000]. Dia pun pergi tempah tempat lain, akhirnya keris tersebut ditolak kerana tidak seperti contoh (ketawa). Bermakna kita kena jaga kepentingan mutu. Dia macam-macam Hafis, kita kata barang *ni* [ini] (sambil tunjuk ke kotak) *nak* [hendak] buat murah boleh. Kita buat nipis, kita buat bunga dia ala kadar, kalau *hok* [yang] *lima* [5] kuntum bunga, kita buat *dua* [2] kuntum bunga, *pah* [kemudian] kita *larik* [ukir] *gitu jah* [macam itu sahaja]. Tapi *demo dok* [kamu tidak] nampak. Tapi bila orang *tu* [itu] tahu,

orang *tu* [itu] lama, “eh *tak* [tidak] cantik”, dia kata. Jadi dia balik kita semula. Dia mutu kena jaga. Mutu penting. *Ha* [ya], mutu dengan masa, masa *so* [satu] lagi.

TMH: Macam mana Pak Daud tambah ilmu dalam bidang rekacipta?

MDY : Dia macam *ni je* [ini sahaja], kita tengok barang apa yang laku, laku *tu* [itu] bermakna orang minat. Setelah kita nampak dia menurun sikit kita ubah corak dia. Kalau *tak dok* [tiada] telinga, kita *bubuh* [letak] telinga, kalau pahat *tu* [itu] *lagu tu* [macam itu], kita ubah pahat *tu* [itu]. Dia *gini je* [macam ini sahaja], serupa anak, serupa *tok* [atuk], anak, cucu, *gitu je* [macam itu sahaja]. Dia serupa *je* [sahaja]. Cuma kita cari *sikit* [sedikit] jalan tambah *sikit-sikit* [sedikit]. Tidak kata daripada *ni* [ini], *zup gi alah gini* [tidak berubah terlalu banyak], *dok* [tidak]. Tidak berubah banyak.

TMH: Pak Daud ada menyertai program-program latihan ke? Latihan dalam bidang pertukangan.

MDY : Tahun *tujuh puluh tiga* [1973]. Pak Daud masuk kraftangan Malaysia. Masa *tu* [itu] kraftangan Malaysia baru tubuh daripada Mara pergi ke kraftangan Malaysia. Memang kraftangan Malaysia *ni* [ini] pegang pada tukang-tukang semua. Jadi setelah ia tubuh, alat dia, mesin dia cukup lengkap di kraftangan Kota Bharu ni. Jadi dia panggil semua ahli tukang, dia pergi kursus dengan dia dalam sebulan. *Tu jela* [itu sahaja].

TMH : Untuk pertukangan perak, kemahiran ini semula jadi atau siapa-siapa boleh buat pertukangan perak?

MDY : *Dok leh* [tidak boleh]. Kalau kita ambil pelajar dalam *lima* [5] orang, nampak *hok* [yang] mana ada *skill* [kemahiran], kita ambik *dua* [2] *tu* [itu]. Kalau *hok tu tak dok skill* [yang itu tiada kemahiran], buang *je* [sahaja]. Bermakna keuntungan bagi dia *tak dok* [tiada], keuntungan bagi kita pon *tak dok* [tiada]. Dalam *lima* [5] orang, ada *dua* [2] orang cukup la.

TMH : Kemahiran itu semulajadi. Kira seni halus.

MDY : *Ha* [ya]. Dia sudah ada. Kalau orang *tak dok* [tiada] seni kan, kita pahat *gitu dok* [macam itu], dia pahat *gitu* [macam itu] (tunjuk cara pahat atas meja). Jadi *tak dok* [tiada] liuk lentik. *Supo* [serupa] mak yong kan, *demo* [orang] *nok* [hendak] main mak yong, *nak* [hendak] belajar, dia tengok juga kalau keras *duk gitu je* [duduk macam itu sahaja] (tunjuk tangan keras) *tak kan* [tidak akan] boleh. Dia mak yong kena *duk gini* [duduk macam ini], *supo* [serupa] kita *ni* [ini] *dok leh* [tidak] dah. (ketawa). *Supo* [sama] juga dengan *hok ni* [yang ini] juga, dia nak pahat *tu* [itu], dia *nak* [hendak] apa. Pernah kita pakai budak-budak, ajar budak-budak *tiga* [3] tahun dia *dok leh* [tidak boleh] buat. Hari *ni* [ini] *molek* [menjadi], duduk seminggu lagi suruh buat pula *dok* [tidak] jadi pula. *Tu* [itu] kita kena *out* [buang]. Kesian ke dia, kesian kita.

TMH :Sampai hari ni, apa faktor-faktor yang mendorong meneruskan dalam bidang kraft tradisional?

MDY : Pak Daud senang *je* [sahaja], pemasaran Pak Daud *ni* [ini] kukuh lagi, *hok tu* [yang itu] boleh mendorong Pak Daud teruskan *ni* [ini]. Kalau *tak* [tidak] kukuh, tunggu *sajo* [sahaja], *dok sey* [tidak mahu] juga kita pon. Jadi kita boleh bertahan daripada *molek* [maju], pergi ke menurun *pastu* [selepas itu] naik mula. Dia *lagu tu* [macam itu] dah, semua bidang macam itu. Kalau kita *tak lekat* [tidak bertahan] situ, tenggelam kita.

TMH : Sebelum kami pilih Pak Daud sebagai tokoh, kami ada buat kajian sedikit, kami tengok ada banyak stesen televisyen yang buat pengdokumentasian pasal Pak Daud ni. Benda itu atas dasar jemputan untuk promosi syarikat Pak Daud atau memang sukarela daripada pihak penyiaran?

MDY : Setelah Pak Daud dapat gelaran Adiguru *tu* [itu], jadi automatiklah orang mari fokus *kat* [dekat] Pak Daud.

TMH : Jadi stesen televisyen datang secara sukarela?

MDY : *Ha* [ya], dia mari sendiri. *Pasal* [sebab] dia *nak* [hendak] dapat tokoh *tu* [itu], dia panggil stesen televisyen, radio, surat khabar bermakna bila dia panggil untuk dapat anugerah. Bila dapat anugerah *tu* [itu], dia akan *susur* [tinjau]. *Nak tau pah sekaro-sekaro* [hendak tahu setiap perkara Pak Daud lakukan].

**TMH : Jikalau Pak Daud masih ingat, berapa banyak stesen televisyen datang
buat dokumentasi di sini?**

MDY: *RTM* [Radio Televisyen Malaysia] dengan *TV3* (salah satu siaran televisyen di
malaysia]. Surat khabar *News Street Times* [NST].

TMH : Bila?

MDY: Pak Daud dapat gelaran *dua* [2] tahun dah [sudah] , tahun *dua ribu dua belas*
[2012].

TAMAT BAHAGIAN C

BAHAGIAN D: PENCAPAIAN TOKOH

TMH :Bahagian kerjaya telah tamat. Kita pergi ke bahagian pencapaian. Apa pencapaian Pak Daud dalam bidang pertukangan perak?

MDY : Pencapaian niaga ke pencapaian?

TMH : Pencapaian dalam bidang pertukangan.

MDY: Pencapaian Pak Daud *ni* [ini] dalam kraftangan selalu diambil buat demonstrasi di China, mewakili Malaysia untuk di Myammar, Burma itu mewakili Malaysia. China *tu* [itu] demonstrasi. Brunei Pak Daud *gi* [pergi] buat demonstrasi, disitu Pak Daud dapat *tackle* [tarik] seorang pembeli *tu* [itu]. Pak Daud buat di Bangkok, *tu* [itu] universiti ke universiti. Di Universiti dia kumpul semua tukang-tukang, dia tunjuk *hok* [kemahiran] dia, kita tunjuk *hok* [kemahiran] kita. *Tu la hok* [itu yang] dijemput.

TMH :Selain daripada anugerah Adiguru, Pak Daud ada terima anugerah-anugerah lain?

MDY: Anugerah lain *tak dok* [tiada] lagi lah. Setakat ni *tak dok* [ini tiada] lagi lah.

TMH : Adakah anugerah adiguru yang paling bernilai bagi Pak Daud?

